



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

MAC 2026

PUASA ENAM HARI DI BULAN SYAWAL

27 MAC 2026M | 07 SYAWAL 1447H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَرْسَلَ رَسُوْلَهُ بِالْهُدٰى وَدِيْنِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلٰى الدِّيْنِ كُلِّهِ وَلَوْ
كَرِهَ الْمُشْرِكُوْنَ،

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُوْلُهُ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Bulan Ramadan telah berlalu dan kita mengharapkan agar Allah ﷻ menerima seluruh amal soleh yang kita lakukan. Berakhirnya Ramadan bukan bererti kita akan meninggalkan amalan baik tersebut. Sebagai seorang mukmin kita terus istiqamah melakukan semua amal ibadat sehingga ke akhir hayat. Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Fussilat ayat 30,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ

Yang bermaksud : “*Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinan dengan berkata, “Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka istiqamah (tetap teguh di atas jalan yang betul) akan turun malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham),” Janganlah kamu takut dan berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan memperolehi syurga yang telah dijanjikan kepada kamu”.*

Ingatlah, sesungguhnya kejayaan kita melakukan ibadat dalam bulan Ramadan seperti mengimarahkan masjid dengan solat lima waktu, solat tarawih, membaca dan bertadarus al-Quran, bersedekah, berbuka puasa beramai-ramai dan lain-lain ibadat adalah nikmat besar anugerah Allah ﷻ kepada kita. Oleh itu

kedatangan Syawal yang kita sambut dengan penuh kesyukuran ini adalah syukur kepada kejayaan menjadi hamba Allah ﷻ yang sentiasa mengingati-Nya sepanjang masa. Adalah tidak patut masjid yang kita imarahkan di bulan Ramadan tiba-tiba kembali menjadi sunyi. Al-Quran yang menjadi teman rapat di bulan Ramadan tiba-tiba semakin terasing daripada kita. Solat sunat malam yang ringan dan mudah kita lakukan tiba-tiba kita tinggalkan.

Di samping itu teruskanlah melakukan amalan baik di bulan Syawal yang menjadi kebiasaan masyarakat negara kita seperti rumah terbuka dan menziarahi sesama saudara mara, rakan taulan dan jiran tertangga. Ini adalah amalan yang baik kerana dapat mengeratkan tali persaudaraan Islam. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis riwayat al-Hakim yang bermaksud,

“Wahai manusia, sebarkanlah salam, berikanlah makanan, sambunglah tali silaturahim nescaya kamu akan memasuki syurga dengan tenang.”

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala,

Dalam kesibukan kita meraikan kegembiraan di bulan Syawal jangan kita lalai untuk melakukan ibadah berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal yang mana ganjarannya amat besar sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Muslim,

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Yang bermaksud: “Sesiapa berpuasa Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari puasa di bulan Syawal, maka itu adalah seperti puasa sepanjang tahun.”

Imam Nawawi berkata, “Setiap amalan digandakan sepuluh pahala, oleh itu puasa Ramadan sama dengan sepuluh bulan dan puasa enam hari Syawal sama dengan dua bulan maka genaplah satu tahun”. Oleh itu, jangan merasa terbeban kerana ibadat ini boleh dilakukan secara berasingan walaupun adalah lebih afdal dilaksanakan secara berturut-turut. Malah juga diharuskan untuk melakukan puasa sunat enam Syawal digabung dengan puasa qada Ramadan. Yang pentingnya ialah kita dapat melaksanakan ibadat puasa sunat Syawal ini tidak kira di awal bulan, pertengahan atau di akhir bulan Syawal.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Terdapat banyak kelebihan bagi mereka yang berpuasa enam hari di bulan Syawal. Selain mendapat pahala seolah-olah berpuasa seperti setahun, puasa sunat enam syawal ini juga dapat menampung kekurangan yang berlaku dalam puasa Ramadan sebagaimana solat sunat yang menampung kekurangan bagi ibadah solat wajib kita. Di samping itu berpuasa enam juga dapat menunjukkan rasa kesyukuran kita kepada Allah ﷻ segala nikmat keberkatan, keampunan dan kerahmatan bulan Ramadan. Sudah pasti yang paling utama ialah kita semakin dicintai Allah ﷻ dan

mendapat perlindungan-Nya sebagaimana hadis Qudsi riwayat Imam al-Bukhari, Allah ﷻ berfirman yang bermaksud,

“dan sentiasalah hamba-Ku mendekatkan dirinya kepada-Ku dengan amalan sunat hingga Aku mencintainya.”

Kesimpulannya, marilah kita bersyukur kepada Allah ﷻ yang memberi kepada kita pelbagai nikmat pada bulan Ramadan dan Syawal. Rebutlah peluang untuk melakukan ibadat puasa sunat enam hari pada bulan Syawal agar kita termasuk dalam golongan orang yang sentiasa istiqamah. Semoga amalan kita di bulan Ramadan menjadi sempurna dan diterima oleh Allah ﷻ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.